



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KELANTAN**

Aras 2, Blok A
Bangunan Kerajaan Persekutuan
Jalan Doktor
15990 Kota Bharu
KELANTAN

Tel. : 09-746 0200
Faks. : 09-747 5484
Laman web : www.anm.gov.my

Ruj.Kami : JANMKEL.600-1/1/4 (32)

Tarikh : 18 Februari 2024

8 Syaaban 1445

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMBAYARAN BAYARAN INSENTIF AWAL KAJIAN SISTEM SARAAN
PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024 MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMS**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan surat edaran daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) rujukan JPA.800-3/2/4(39) bertarikh 6 Februari 2024, Kerajaan telah bersetuju supaya Bayaran Insentif Awal (BIA) Tahun 2024 dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah sebanyak RM2,000 dan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred Jawatan Utama / Khas sebanyak RM1,000. BIA ini telah ditetapkan bayaran pada 23 Februari 2024.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan membuka sekatan *overbajet* OS17000 di iGFMS bagi **tempoh 21 Februari (Rabu) sehingga 28 Februari 2024 (Rabu)**. Pembukaan *overbajet* ini adalah untuk membenarkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyediakan Arahan Pembayaran melalui Modul Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2) kepada pegawai yang layak menerima BIA Tahun 2024 namun tidak diproses melalui **Sistem Emolumen Berkomputer Modul Human Capital Management (HCM) pada bulan Februari 2024**.

4. PTJ hendaklah memastikan pembayaran BIA Tahun 2024 disemak dengan teliti bagi memastikan tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang keciciran pembayaran dalam tempoh pembukaan sekatan *overbajet* hendaklah disempurnakan melalui HCM pada bulan berikutnya. **PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran BIA Tahun 2024 tidak dibuat pembayaran dua (2) kali kepada pegawai yang layak.**

5. PTJ juga perlu mematuhi tatacara bayaran sepertimana di Para 3.4.2 dan 3.7 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 2 Tahun 2024, mengisi nombor rujukan buletin ini dengan jelas di ruangan Perihal Bayaran semasa penyediaan Arahan Pembayaran dan memastikan Arahan Pembayaran berstatus "80" sebelum atau selewat-lewatnya pada jam 5.00 petang, 28 Februari 2024 (Rabu).
6. Arahan ini hanya terpakai bagi bayaran BIA Tahun 2024 melalui Arahan Pembayaran sehingga 28 Februari 2024 sahaja. Sebarang bayaran BIA Tahun 2024 melalui Arahan Pembayaran selepas tarikh tersebut perlu dikemukakan kepada JANM Negeri Kelantan untuk kelulusan.
7. Kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"



(MOHD ZULKIFLI BIN ZAHAR C.A. (M))
PENGARAH

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI KELANTAN